

Kuan Yew nafi cuba sabotaj

BMH - 6 SEP 2004

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, hari ini menafikan bahawa kerajaannya cuba mensabotaj ekonomi Malaysia dengan menaikkan kadar faedah bank ketika krisis kewangan melanda negara di rantau ini pada 1997.

Lee berkata, sebagai pusat kewangan antarabangsa keputusan menaikkan kadar faedah itu dibuat sendiri oleh bank persendirian yang beroperasi di Singapura dan keputusan itu langsung tidak adakemamenengan dengan kerajaan.

Malah, katanya, Singa-

pura bukan saja tidak berkeupayaan berbuat demikian tetapi perbuatan itu tidak masuk akal kerana ia akan sama-sama menjejaskan ekonomi republik itu.

"Kami (kerajaan) tidak menaikkan kadar faedah untuk menarik ringgit tetapi bank persendirian... kami (kerajaan) langsung tidak ada kena mengena dengannya.

"Kami (Singapura) adalah pusat kewangan antarabangsa dan kadar itu ditentukan bank," katanya pada sidang akhbar di sebuah hotel pada hari terakhir lawatan empat hari

beliau ke sini, hari ini.

Beliau ditanya mengapa bank Singapura menaikkan kadar faedah mereka dalam deposit ringgit bagi menarik pengaliran keluar mata wang negara ke republik, sekali BUS memburukkan kesan krisis di Malaysia.

Tindakan Singapura itu dilihat sebagai sesuatu yang disengajakan atau sabotaj ekonomi dan kesan buruk daripada pengaliran keluar ringgit ke Malaysia hanya dihentikan apabila Malaysia mengambil langkah drastik mengawal ringgit.

Malah, Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menjelaskan krisis mata wang itu, berkata kadar faedah yang tinggi di Singapura sehingga 30 peratus adalah antara sebab yang memburukkan lagi krisis ketika itu.

Mengenai prestasi ekonomi Singapura tahun ini, Lee berkata, ada dua pandangan berbeza mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara itu.

Katanya, lembaga industri negara menjangkakan pertumbuhan 0.5 peratus dalam KDNK manakala pakar ekonomi swasta

ekonomi Malaysia

mengunjurkan pertumbuhan negatif 0.5 hingga negatif 1.0 peratus.

"Tidak kira yang mana satu unjuran pun, ia tidak memuaskan," katanya.

Mengenai ramalan beliau mengenai situasi politik pasca Dr Mahathir di Malaysia, Lee berkata, selain menyelesaikan isu tertangguh, lawatan beliau ke sini ialah untuk mendapatkan gambaran berhubung perkara itu.

"Saya rasa saya mempunyai satu siri penuh bahan bacaan yang dalam bentuk laporan kepada Kabinet yang saya tidak harus bincangkan secara terbu-

ka di sini," katanya.

Ditanya mengapa beliau dan bukannya Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, yang menyelesaikan isu tertangguh itu, Lee berkata, Goh dan Dr Mahathir sudah beberapa tahun mencuba tetapi gagal mencapai persetujuan.

"Meningati cara saya mencapai persetujuan menerusi rundingan dengan @ (bekas Menteri Kewangan) Tun D a i m (Zainuddin) serta Dr Mahathir, saya bertanyakan Perdana Menteri saya (Goh) sama ada beliau mahu saya mencuba. Be-

liau berkata: 'Ya, teruskan'," katanya.

Mengenai gerakan militan yang muncul di beberapa negara rantau ini termasuk Malaysia, Lee berkata, gerakan skumpama itu yang berakar umbi di Afghanistan perlu diberi perhatian serius.

"Saya rasa ia akan berkembang dan kami perlu memantau perkara ini dengan teliti kerana jika ia bertapak di Indonesia... Malavsia dan turun ke Johor, maka kami terdedah kepada bahaya. Justeru, ia bukan sesuatu perkara yang kami lihat tanpa minat," katanya.